Arumugam a/l Subramaniam lwn Pegawai Pemulihan Pusat Serenti Bukit Mertajam & satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–49 TAHUN 2001, 44–53 TAHUN 2001, 44–57 TAHUN 2001, 44–61 TAHUN 2001, 44–65 TAHUN 2001, 44–69 TAHUN 2001 DAN 44–73 TAHUN 2001

MOHD NOOR ABDULLAH H

21 MAC 2002

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan penagih dadah — Permohonan untuk habeas corpus terhadap perintah tahanan — Sama ada perintah tahanan untuk menjalani ujian oleh majistret ke atas pemohon adalah sah — Sama ada perintah menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan menjalani pengawasan oleh majistret ke atas pemohon adalah sah — Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ss 3(1), (2), 4(1)(a), (b) & 28*

Ketujuh-tujuh kes ini menimbulkan, antara lain, isu perundangan yang sama, iaitu: (1) sama ada perintah tahanan untuk menjalani ujian oleh majistret ke atas pemohon adalah sah; dan (2) sama ada perintah menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan menjalani pengawasan oleh majistret ke atas pemohon adalah sah. Menurut Borang 2 (perakuan tentang penagihan dadah (eksh NR–5)), pegawai perubatan kerajaan memperakui pemohon ialah penagih dadah morphine, setelah beliau menjalankan ujian-ujian yang perlu. Beliau telah menguji specimen air kencing pemohon dan mendapati bahawa ia mengandungi 'cannabinoid screening: negative, urine morphine: positive', dan telah memperakui bahawa dadah yang menyebabkan pemohon menjadi penagih dadah ialah morphine. Walau bagaimanapun, beliau tidak memeriksa, membuat pemerhatian atau membuat apa juapun untuk melihat pemohon mengalami suatu keadaan psikik, gerak balas tingkah laku dan desakan untuk mengambil dadah secara berterusan atau berkala.

Diputuskan, membebaskan pemohon-pemohon daripada menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti dan membenarkan writ habeas corpus pada semua permohonan:

(1) Seksyen 4(1)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('Akta tersebut') telah dipinda. Selepas pindaan, asas pertimbangan majistret untuk menahan seseorang itu berubah daripada keperluan menahan menurut pandangan majistret kepada keperluan menahan menurut laporan pegawai kepadanya (lihat ms 485E–F).

(2) Borang 1 (eksh NR–6) dalam kes ini tidak selari dengan s 4(1)(b) Akta tersebut. Asas pertimbangan majistret untuk menahan pemohon ialah kerana pegawai dengan semunasabahnya mensyaki orang itu ialah seorang penagih dadah, bukan kerana pegawai itu melaporkan kepadanya beliau perlu ditahan untuk tujuan menjalani ujian. Pertimbangan majistret untuk menahan

pemohon adalah tidak betul dan tidak selari dengan kehendak s 4(1)(b) Akta tersebut dan penahanan pemohon tidak sah dan batal (lihat ms 486A–B).

(3) Tidak cukup bagi pegawai perubatan itu membuat kesimpulan dan memperakui pemohon adalah penagih dadah berasaskan semata-mata kepada ujian kencing positif sahaja tanpa membuat pemerhatian tentang kesan, tanda dan akibat penagihan dadah itu. Perintah majistret supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti adalah tidak sah dan terbatal (lihat ms 486G–H).

(4) Dalam Kes 44–49–2001 dan 44–61–2001, pegawai perubatan kerajaan memperakui dalam Borang 2 bahawa dadah berbahaya yang menyebabkan pemohon menjadi seorang penagih dadah ialah cannabinoid. Cannabinoid bukan dadah berbahaya di bawah Jadual 1 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan oleh itu, perakuan pegawai perubatan itu adalah tersalah erti, tidak betul dan wajar ditolak (lihat ms 486I–487A).

(5) Borang 1 dalam Peraturan Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Borang-Borang) 1983 adalah berlainan daripada Borang 1 (eksh K–6) dalam Kes 44–69–2001 atau Borang 1 (eksh NR–6) dalam Kes 44–53–2001. Perbezaan dan ketidakpatuhan mungkin adalah kerana borang-borang tersebut tidak disemak dan diluluskan oleh penggubal undang-undang di Jabatan Peguam Negara. Adalah disarankan perundangan kecil yang menyekat kebebasan hendaklah disemak oleh Jabatan Peguam Negara memandangkan mahkamah menggunakan kaedah yang ketat bagi mentakrif peraturan seperti ini (lihat ms 487B–D).

(6) Penahanan di pusat serenti walaupun untuk rawatan dan pemulihan adalah berkaitan dengan hak kebebasan orang awam yang termaktub dalam Perlembagaan. Jika alasan penahanan itu salah, berlainan atau tidak bersebab, maka penahanan itu tidak sah dan terbatal (lihat ms 487D–E).

[English summary

All seven cases concerned, inter alia, the same issues of law, ie: (1) whether the remand order by the magistrate to conduct tests on the applicant was valid; (2) whether the order by the magistrate for the applicant to undergo treatment and rehabilitation at the rehabilitation centre and to undergo observation was valid. According to Form 2 (admission of drug dependancy (exh NR–5)), the government medical officer affirmed that the applicant was a morphine drug addict after he had conducted the necessary tests. The government medical officer tested the applicant's urine speciments and found that it contained 'cannabinoid screening: negative, urine morphine: positive', and affirmed that the drug that caused the applicant to

become a drug addict was morphine. However, he did not examine, make any observations or did anything to see if the applicant was experiencing any psychic conditions, responsive behaviour and had the urge to continuously or periodically take drugs.

Held, releasing the applicants from having to undergo treatment and rehabilitation in the rehabilitation centre and allowing all the applications' writ of habeas corpus:

(1) Section 4(1)(b) of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 ('the Act') had been amended. After the amendment, the basis of the magistrate's consideration to remand a person changed from the magistrate's opinion of the need to remand, to the need to remand according to the officer's report to the magistrate (see p 485E–F).

(2) Form 1 (exh NR–6) in this case did not comply with s 4(1)(b) of the Act. The basis of the magistrate's consideration to remand the applicant was that the officer reasonably suspected that the person was a drug addict, not because the officer reported to the magistrate that the person needed to be remanded to undergo tests. The magistrate's consideration to remand the applicant was incorrect and did not comply with what was stipulated in s 4(1)(b) of the Act and thus the applicant's remand was null and void (see p 486A–B).

(3) It was not enough that the medical officer came to the conclusion and affirmed that the applicant was a drug addict based merely upon the positive urine test without observing the effects, signs and consequences of the drug dependency. The magistrate's order that the applicant undergo treatment and rehabilitation at a rehabilitation centre was null and void (see p 486G–H).

(4) In cases 44–49–2001 and 44–61–2001, the government medical officer affirmed in Form 2 that the dangerous drug that caused the applicant to become an addict was cannabinoid. Cannabinoid was not a dangerous drug under Schedule 1 of the Dangerous Drugs Act 1952 and thus, the medical officer's affirmation was misconstrued, erroneous and should be set aside (see pp 486I–487A).

(5) Form 1 of the Drug Dependants Regulations (Treatment and Rehabilitation) (Forms) 1983 differed from Form 1 (exh K–6) in case 44–69–2001 or Form 1 (exh NR–6) in case 44–53–2001. The difference and non-compliance could have been caused because the forms were not inspected and approved by a draftsman in the Attorney General's Chambers. It is recommended that subsidiary legislation that obstructed liberty be inspected by the Attorney General's Chambers in view that the court would apply strict rules to interpret such rules (see p 487B–D).

(6) The remand at the rehabilitation centre, although for the purposes of treatment and rehabilitation, related to the right to

freedom of a person entrenched in the Constitution. If the reasons for the remand were wrong, varied or without cause, the remand would be null and void (see p 487D–E).] A

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penahanan penagih dadah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 1735–1756. B

Kes-kes yang dirujuk

Sures a/l Perumal v PP [2001] 2 MLJ 106 (diikut) C

Undang-undang yang dirujuk

Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ss 3(1), (2), 4(1)(a), (b), 28

Theresa Fernandis (*Theresa Fernandis & Associates*) bagi pihak pemohon kes No 44–49–01. D

Sivakumar a/l Valla Krishnan (*VS Kumar*) bagi pihak pemohon kes No 44–53–01.

Sivashanmugam a/l Chittravelloo (*G Doraisamy & Co*) bagi pihak pemohon kes No 44–57–01. E

Illangovan a/l Dorairaj (*Illangovan & Associates*) bagi pihak pemohon kes No 44–61–01.

Palaniappan Ramasamy (*Palani*) bagi pihak pemohon kes-kes No 44–65–01 dan 44–69–01.

S Anthonysamy (*Aziz, Anthony & Co*) bagi pihak pemohon kes No 44–73–01. F

Mohd Noor Abdullah H: Ketujuh-tujuh kes ini menimbulkan, antara lain, isu perundangan yang sama, iaitu pertama: sama ada perintah tahanan untuk menjalani ujian oleh majistret ke atas pemohon adalah sah, dan kedua: sama ada perintah menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan menjalani pengawasan oleh majistret ke atas pemohon adalah sah. G

Pertama: perintah tahanan untuk ujian

Kuasa majistret untuk menahan pemohon untuk ujian diperuntukkan di bawah s 4(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('Akta tersebut') yang menyatakan: H

> Jika ujian tidak dapat dijalankan atau disiapkan atau keputusan ujian-ujian itu tidak dapat diperolehi dalam masa dua puluh empat jam dari masa seseorang itu ditahan dalam jagaan di bawah sub-s (1) seksyen 3 —
>
> (a) …
>
> (b) orang itu bolehlah dibawa oleh seseorang pegawai ke hadapan majistret dan majistret itu hendaklah jika pegawai itu melaporkan bahawa orang itu perlu ditahan bagi maksud menjalani ujian-ujian, memerintahkan supaya I

A ditahan sedemikian selama sesuatu tempoh tidak melebihi empat belas hari untuk menjalani ujian-ujian ….

Aliran tindakan bagi menahan seorang yang disyaki penagih dadah adalah seperti berikut:

B (1) seorang pegawai pemulihan atau polis boleh menahan seorang yang beliau semunasabahnya mengesyaki adalah penagih dadah (s 3(1) Akta tersebut);

(2) penagih dadah yang disyaki itu boleh ditahan selama tempoh tidak melebihi 24 jam untuk menjalani ujian bagi menentukan dia penagih dadah (s 3(2) Akta tersebut);

C (3) sekiranya ujian itu tidak dapat dijalankan atau disiapkan atau keputusan ujian itu tidak dapat diperolehi dalam masa 24 jam:

(a) pegawai itu boleh melepaskan orang itu dengan ikat jamin supaya hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam jaminan itu (s 4(1)(a) Akta tersebut); atau

D (b) orang itu boleh dihadapkan kepada majistret, dan jika pegawai itu melaporkan bahawa orang itu perlu ditahan untuk menjalani ujian, majistret itu hendaklah memerintahkan supaya orang itu ditahan selama tempoh tidak melebihi 14 hari untuk menjalani ujian, atau majistret itu boleh melepaskan orang itu dengan ikat jamin untuk hadir pada tarikh dan tempat yang ditetapkan E dalam jaminan itu bagi menjalani ujian.

Adalah diperhatikan s 4(1)(b) Akta tersebut ini telah dipinda. Sebelum dipinda, klausa yang berkenaan menyatakan 'dan majistret itu boleh, jika pada pandangan majistret itu adalah perlu untuk menahan orang itu bagi tujuan menjalani ujian, memerintahkan dia ditahan …'. Setelah dipinda F klausa itu menyatakan 'dan majistret hendaklah, jika pegawai melaporkan kepada majistret bahawa adalah perlu untuk menahan orang itu bagi tujuan menjalani ujian … memerintahkan dia ditahan …'. Maka asas pertimbangan majistret untuk menahan seseorang itu berubah dari keperluan menahan menurut pandangan majistret kepada keperluan menahan menurut laporan pegawai kepadanya. G

Borang 1 — Perintah Tahanan Untuk Menjalankan Ujian Bagi Orang Yang Disyaki Sebagai Penagih Dadah menyatakan:

> Bahawasanya saya … seorang majistret di … setelah dilaporkan kepada saya oleh pegawai bahawa dia dengan semunasabahnya mengesyaki bahawa …. H Kad Pengenalan No … berumur … tahun yang beralamat di … ialah seorang penagih dadah, memerintahkan supaya orang tersebut ditahan di … dari … hingga … untuk menjalani ujian-ujian bagi maksud menentukan sama ada dia ialah atau bukanlah seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta.
>
> Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah di … pada …
> …
> I (Majistret)

Adalah diperhatikan bahawa Borang 1 (eksh NR–6) tidak selari dengan s 4(1)(b) Akta tersebut. Borang ini tidak menyatakan 'jika pegawai

melaporkan kepada majistret bahawa adalah perlu untuk menahan orang itu untuk tujuan menjalani ujian …'. Maka asas pertimbangan majistret untuk menahan orang itu ialah kerana pegawai dengan semunasabahnya mensyaki orang itu ialah seorang penagih dadah, bukan kerana pegawai itu melaporkan kepadanya beliau perlu ditahan untuk tujuan menjalani ujian. Pertimbangan majistret untuk menahan orang itu adalah tidak betul dan tidak selari dengan kehendak s 4(1)(b) Akta tersebut dan kerana itu, penahanan pemohon tidak sah dan terbatal.

Kedua: perakuan penagihan dadah

Isu perundangan kedua yang dicabar oleh pemohon ialah sama ada Borang 2 — perakuan tentang penagihan dadah (eksh NR–5) sah atau tidak.

Borang 2 menyatakan:

> Saya … seorang 'pegawai perubatan kerajaan setelah menjalankan ujian-ujian yang perlu ke atas … Kad Pengenalan No …berumur … tahun yang beralamat di … memperakui bahawa dia ialah seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta. Dadah berbahaya yang digunakan yang menyebabkan dia menjadi seorang penagih dadah ialah morphine'.

Menurut borang ini, pegawai perubatan kerajaan memperakui pemohon ialah penagih dadah morphine, setelah beliau menjalankan ujian-ujian yang perlu. Definasi 'ujian-ujian' ialah semua perbuatan atau prosedur yang dijalankan bagi maksud menentukan sama ada seseorang itu penagih dadah, dan definasi 'penagih dadah' ialah seseorang yang melalui penggunaan mana-mana dadah berbahaya, mengalami suatu keadaan psikik dan kadang kala keadaan fizikal yang dicirikan dengan gerak balas tingkahlaku dan gerak balas lain yang meliputi desakan mengambil dadah secara berterusan atau berkala untuk mengalami kesan psikiknya dan untuk mengelakkan ketagihan kerana ketiadaannya.

Pegawai perubatan itu telah menguji specimen air kencing pemohon dan mendapati bahawa ia mengandungi 'cannabinoid screening: negative, urine morphine: positive'. Beliau memperakui dadah yang menyebabkan dia menjadi penagih dadah ialah morphine. Tetapi beliau tidak memeriksa, membuat pemerhatian atau membuat apa juapun untuk melihat pemohon mengalami suatu keadaan psikik, gerak balas tingkah laku dan desakan untuk mengambil dadah secara berterusan atau berkala. Pada pendapat saya, tanpa membuat pemerhatian tentang kesan, tanda dan akibat penagihan dadah itu, adalah tidak cukup bagi pegawai perubatan itu membuat kesimpulan dan memperakui pemohon adalah penagih dadah berasaskan semata-mata kepada ujian kencing positif sahaja. Oleh hal yang demikian, perintah majistret supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti atas alasan pemohon adalah seorang penagih dadah tanpa membuat pemerhatian dan pemeriksaan adalah tidak sah dan terbatal.

Dalam kes 44–49–2001 dan 44–61–2001, pegawai perubatan kerajaan memperakui dalam Borang 2 bahawa dadah berbahaya yang menyebabkan

pemohon menjadi seorang penagih dadah ialah cannabinoid tetapi cannabinoid bukan dadah berbahaya di bawah Jadual 1 Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh kerana itu, perakuan pegawai perubatan itu adalah tersalah erti, tidak betul dan wajar ditolak (lihat *Sures a/l Perumal v PP* [2001] 2 MLJ 106).

Saya ingin mengulas tentang borang-borang yang disediakan. Seksyen 28 Akta tersebut memberi kuasa kepada menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri untuk membuat peraturan. Maka pada melaksanakan kuasa itu, menteri telah membuat Peraturan Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Borang-Borang) 1983 ('Peraturan tersebut'). Saya teliti dan mendapati Borang 1 dalam Peraturan itu berlainan dari Borang 1 (exh K–6) dalam kes 44–69–2001 atau Borang 1 (exh NR–6) dalam kes 44–53–2001. Perbezaan dan ketidakpatuhan itu disebabkan oleh borang-borang itu mungkin tidak disemak dan diluluskan oleh penggubal undang-undang di Jabatan Peguam Negara. Adalah disarankan perundangan kecil yang menyekat kebebasan hendaklah disemak oleh Jabatan Peguam Negara memandangkan mahkamah menggunakan kaedah yang ketat bagi mentakrif peraturan seperti ini. Seperkara lagi yang saya ingin menarik perhatian ialah penahanan di pusat serenti walaupun untuk rawatan dan pemulihan adalah berkaitan dengan hak kebebasan orang awam yang termaktub dalam Perlembagaan, di mana seseorang itu dijamin tidak akan ditahan melainkan menurut undang-undang. Seorang majistret diberi kuasa oleh undang-undang sebagaimana dinyatakan dalam Akta dan dalam borang itu untuk menahan sesiapapun di pusat serenti dengan alasan tertentu. Jika alasan penahanan itu salah, berlainan atau tidak bersebab, maka penahanan itu tidak sah dan terbatal. Borang-borang itu perlu diteliti dengan terperinci supaya selari dengan peruntukan undang-undang yang berkenaan, sama ada oleh pegawai pendakwa, pegawai lain yang terlibat, khususnya oleh majistret sendiri.

Dalam semua kes ini, saya dapati sama ada perintah penahanan pemohon untuk menjalani ujian adalah tidak sah atau perintah menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti adalah tidak sah atau kedua-duanya sekali. Oleh hal yang demikian, saya perintahkan supaya pemohon-pemohon dibebaskan dari menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti. Permohonan writ habeas corpus dibenarkan pada semua tujuh permohonan ini.

Pemohon-pemohon dibebaskan dari menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti dan permohonan writ habeas corpus dibenarkan pada semua permohonan.

Dilaporkan oleh Chew Phye Aun